

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 1

Pentadbiran Islam di Terengganu

(Ucapan Pendahuluan Pengerusi majlis)

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbilalamin. Wassalatiwassalmuala ashrafilambiyai walmursalin. Saidina muhammadin waala alihi wasohbhi ajmain.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berbahagia Dato' Bentara Luar, Yang Berbahagia Dato' Perwira Negara, Yang Berbahagia Dato' Mustafa Abdul Jamal, Yang Mulia Dato' Engku Embong Abdul Kadir Idrus, Dato'-Dato', Datin- Datin, tuan-tuan, puan-puan dan seterusnya para hadirin sekalian.

Assalamualaikum w.b.t.

Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita sama-sama hadir di majlis ini iaitu majlis yang akan membawa kita kembali mengingati peristiwa-peristiwa dan pengalaman- pengalaman lalu dalam proses perkembangan Islam di Terengganu ini khususnya. Sejarah telah membuktikan bahawa negeri Terengganu merupakan negeri terawal menerima kedatangan Islam di rantau ini. Dengan terjumpanya Batu Bersurat di Kuala Berang, kesinambungan dan perkembangan Islam ini terus pesat di Terengganu. Ini ternyata dalam pentadbiran kerajaan negeri dengan usaha tokoh-tokohnya yang cuba mencorakkan pentadbiran Islam di Terengganu maka dengan ini jawatankuasa Koleksi Terengganu dibawah pengerusinya, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah mengambil inisiatif bagi menghidupkan kembali peristiwa-peristiwa semasa beberapa orang tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dalam usaha melaksanakan pentadbiran Islam di negeri ini. Koleksi Terengganu merupakan satu badan yang cuba mengumpulkan segala bentuk maklumat berkenaan Terengganu sama ada dalam bentuk bercetak

mahupun tidak sebagai satu usaha pengumpulan warisan negeri. Sehubungan dengan itu majlis ini yang akan dirakamkan diharap perbincangan secara terus dengan tokoh-tokoh berkenaan akan dapat dijadikan sebagai satu panduan bagi menilai sejarah negeri terutamanya berkenaan perkembangan Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, untuk memulakan majlis pada hari ini, saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia Haji Wan Endut bin Ismail, johan qari dari daerah Kuala Terengganu 1988 untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan seterusnya sedikit ulasan oleh Yang Berbahagia Ustaz Kadir bin Zainal.

Dengan segala hormatnya dipersilakan.

(Gimik bacaan ayat-ayat suci Al-Quran)

(Gimik tafsir ayat)

Di antara maksud ayat-ayat suci Al-Quranul Karim yang dibacakan tadi ialah Allah s.w.t memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w supaya tetap teguh dengan sifat taqwa terutama dalam situasi menghadapi orang-orang kafir dan munafik. Dalam keadaan apa saja, terutama dalam saat-saat menghadapi tuntutan-tuntutan orang-orang kafir munafik ataupun usaha-usaha untuk menghidupkan budaya Jahiliyah, Rasulullah hendaklah menghadapinya berdasarkan wahyu Allah, teruskan sikap tegas dan berpendirian dengan berani dan bertanggungjawab kerana Allah maha mengetahui dan maha cekap menguruskan hal ehwal makhluk. Demikianlah dalam usaha mengenang kembali zaman silam, kita dikehendaki membuat pertimbangan yang paling saksama. Adalah satu kesilapan jika menganggap yang lama itu sebagai bahan yang wajar dipendamkan sahaja atau mengira yang silam itu sebagai celik atau tidak perlu kepada kesinambungan. Dan adalah lebih silap lagi kiranya diterima semua yang diwarisi itu sebagai warisan yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Kajilah,

selidikilah, dengarkanlah kisah-kisah silam dengan menggunakan kaca mata, penilaian dan keadilan Islam. Ketepikan dan benamkan budaya-budaya lama yang bertentangan dan sebaliknya perkukuh dan pupuklah nilai-nilai lama yang serasi dengan wahyu dan kemudian diadunkan untuk disempurnakan dalam budaya masa kini yang berlandaskan wahyu dan ketakwaan.

Demikianlah saudara-saudari di antara maksud ayat suci Al-Quranul Karim yang baru dibacakan tadi. Sekian, Assalamualaikum w.b.t.)

(Pengerusi majlis)

Sekarang kami dengan hormatnya pula mempersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri, juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, untuk menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 1 dengan tajuk Pentadbiran Islam di Terengganu.

Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Dato'.

(Ucapan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah)

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah rabbilamin wassolatu wassalamualaashrafilambiai walmursalin
waalaalihi wasohbihi ajmain.

Saudara pengerusi majlis, Yang Mulia Dato' Engku Embong Abdul Kadir Idrus, Yang Berbahagia Dato' Mustafa Jamal, Yang Berbahagia Dato' Perwira Negara, Yang Berbahagia Dato' Bentara Luar, Yang Berbahagia Dato' Indera Guru,

Pesuruhjaya Hal Ehwal Negeri Terengganu, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, saudara saudari yang saya muliakan.

Izinkanlah saya pada pagi yang baik ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak kerajaan negeri khususnya bagi pihak jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu kepada ketiga-tiga orang tokoh kita pada pagi ini yang bersedia mengambil bahagian yang aktif dalam Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 1 Pentadbiran Islam di Terengganu. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Ustaz Ismail Ali dan kepada Ustaz Abdul Kadir Zainal, Ustaz Muhammad bin Abd Rahman dan Ustaz Ambak Ismail yang telah bersetuju untuk menolong ketiga-tiga orang tokoh kita pada pagi ini menjayakan siri pertama Pengkisahan Sejarah. Dan tidak kurang ucapan terima kasih saya kepada Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan saudara saudari yang telah menunjukkan minat yang penuh untuk turut sama menjayakan majlis ini. Kepada jawatankuasa persiapan majlis pengkisahan ini yang dipengerusikan oleh Encik Zainol, Pengarah Arkib kawasan Timur, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana telah menyusun suatu percubaan yang barangkali pernah diadakan di tempat lain, tetapi inilah kali yang pertama yang cuba diadakan di negeri Terengganu. Untuk makluman Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan satu jawatankuasa koleksi di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu lebih kurang tiga tahun yang lalu. Sehingga ini Koleksi Terengganu telah pun menyelesaikan satu rangka ataupun kita sebut sebagai suatu garis panduan yang membolehkan koleksi ini berjalan dari masa ke masa. Usaha yang pertama yang dilakukan oleh Koleksi Terengganu ialah mengumpulkan karangan-karangan hasil penulis-penulis Terengganu dari dahulu sehingga sekarang. Dan sebahagian daripada koleksi tulisan-tulisan, karangan-karangan, buku-buku penulis Terengganu ini ada tersimpan di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu yang boleh tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari pinjam, semak, baca dengan kebenaran daripada masa ke masa. Kita sedar bahawa usaha mengumpulkan bahan-bahan yang seumpama ini tidak akan berjaya dengan sepenuhnya kalau kita tidak mendapat

kerjasama dari penerbit, dari penulis-penulis buku-buku itu sendiri, dari peminat-peminat penulis itu sendiri yang sebanyak sedikit cuba menyimpan buku-buku dan tidak kurang juga kepada orang-orang perseorangan di sini barangkali saya boleh sebut sebagai satu contoh, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Salleh Awang yang berusaha mengumpulkan antara lain buku-buku yang pernah ditulis, yang pernah dihasilkan oleh penulis-penulis negeri Terengganu. Oleh kerana sebahagian daripada buku-buku yang saya sebutkan ini merupakan buku-buku yang sudah tidak diterbitkan lagi dan kerana itu buku itu menjadi bahan simpanan yang sangat-sangat penting kepada orang-orang seperti Yang Berbahagia Dato' Haji Mohammad Salleh Awang jadi susah nak bagi orang-orang seperti itu untuk berpisah dengan bahan-bahan yang seumpama itu. Tapi walaubagaimanapun ada di antara mereka yang telah menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan kita meminjamkan buku-buku itu untuk dibuat salinan di dalam beberapa naskhah. Jadi berkat kemajuan sains dan teknologi, bahan-bahan yang sepatutnya tidak boleh ditambah jumlahnya sudah dapat dihasilkan walaupun bentuknya berlainan daripada bentuk asal.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Usaha kedua jawatan kuasa Koleksi Negeri Terengganu mulai tahun 1988 ini ialah memungut, mengumpul, sebarang bahan-bahan yang bernilai mengenai Islam di Terengganu. Dato'- Dato', tuan-tuan, puan-puan, saudara saudari yang dihormati sekalian sedar bahawa mengikut sejarah, Islam telah sampai ke negeri Terengganu lebih kurang enam ratus tahun yang lalu. Islam merupakan satu dasar yang sangat kukuh dalam kehidupan orang Melayu, orang Islam di Terengganu. Di atas dasar yang sangat kukuh inilah timbulnya beberapa institusi yang bersifat institusi agama, institusi pendidikan, institusi perundangan dan lain-lain. Sebagai rakyat negeri Terengganu, sebagai seorang orang Islam di Terengganu kita seharusnya merasa bangga bahawa apa yang telah kita terima sebagai satu agama lima ratus hingga enam ratus tahun dahulu telah begitu kuat dan kukuh dalam kehidupan kita sehingga sekarang berkat adanya, berkat tumbuh, berkembang dan majunya institusi-institusi yang saya sebutkan tadi.

Barangkali Dato'- Dato', tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari merasa terkejut kalau saya katakan bahawa saya pernah terjumpa satu dokumen yang sekarang tersimpan di Arkib Negara cawangan Pantai Timur di Kuala Terengganu ini yang menunjukkan dengan jelas pada kita suatu masa dulu pernah pemerintahan Inggeris menganggap pentadbiran di Terengganu ini sebagai satu pentadbiran Negeri Islam. Saya lupa nak menyebut dengan tepat apakah dokumen yang saya sebutkan di sini. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang berminat untuk memeriksa dokumen ini bolehlah berhubung dengan Encik Zainol. Tentulah banyak bahan-bahan yang ada hubungannya dengan instiusi-institusi yang saya sebutkan tadi yang boleh kita kumpulkan dan yang patut kita kumpulkan. Tetapi usaha mengumpulkan bahan-bahan yang seumpama itu tidaklah sebenarnya semudah yang kita sangkakan. Jawatankuasa Koleksi Terengganu pada peringkat awal ini telah pun merasakan, telah pun mengalami keperitannya. Jadi untuk itu, difikirkan bahawa majlis pengkuisahan sejarah seperti yang kita mulakan dengan siri satu pada pagi ini merupakan satu cara yang barangkali boleh menolong meringankan kesulitan-kesulitan pengumpulan bahan-bahan ini. Alhamdulillah, tokoh-tokoh penting yang pernah berkhidmat dalam institusi perundangan, dalam institusi pendidikan agama masih bersama-sama dengan kita, masih sihat, masih segar, masih dapat memberikan kepada kita maklumat-maklumat yang penting berhubung dengan beberapa perkembangan yang pernah berlaku dalam masa tiga puluh, empat puluh tahun yang lalu. Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu merasa terlalu amat terhutang budi kepada tokoh-tokoh ini yang tidak bertanggung-tanggung lagi menyatakan kesediaan mereka untuk memberi kerjasama walaupun masa yang kita berikan kepada mereka tidaklah begitu panjang. Saya percaya majlis kita ini akan berhasil kerana keyakinan kita kepada tokoh-tokoh dan kebolehan mereka dan tidak penting juga saya rasa haruslah kejayaan majlis ini saya gantungkan kepada saudara-saudari, hadirin-hadirat semua pada hari ini. Dan saya yakin saudara-saudari akan mengambil peluang untuk menyertai majlis ini secara aktif bagi menimbulkan seberapa banyak yang boleh hal-hal yang terpendam dalam lipatan sejarah mengenai pentadbiran agama Islam di negeri Terengganu.